

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

BAB 16 PENGANTUNGAN, PEMBATALAN PENYENARAIAN DAN PENGUATKUASAAN**BAHAGIAN A – AM****16.01 Pengenalan**

- (1) Bab ini memperuntukkan mengenai yang berikut:
- (a) kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh perbadanan tersenarai berkenaan dengan penggantungan dan penarikan balik secara sukarela oleh perbadanan tersenarai dari Senarai Rasmi; dan
 - (b) kuasa Bursa berkenaan dengan -
 - (i) renti dagangan, penggantungan dan pembatalan penyenaraian perbadanan tersenarai atau mana-mana kelas sekuriti tersenarainya oleh Bursa; dan
 - (ii) penguatkuasaan Kehendak-kehendak ini.
- (2) Bagi maksud Bab ini, jika konteksnya mengizinkan, prosiding penguatkuasaan termasuk suatu rayuan oleh seseorang terhadap keputusan yang berbangkit daripada tindakan penguatkuasaan yang diambil di bawah Bab ini.

BAHAGIAN B – RENTI DAGANGAN DAN PENGGANTUNGAN**16.02 Penggantungan dagangan yang dikenakan oleh Bursa**

- (1) Bursa boleh pada bila-bila masa menggantung dagangan sekuriti tersenarai dalam mana-mana keadaan yang berikut:
- (a) sekiranya berlaku apa-apa aktiviti korporat yang substansial atau penyusunan semula modal perbadanan tersenarai termasuk suatu skim perkiraan, kompromi, penggabungan atau pengurangan modal terpilih;
 - (b) jika, pada pendapat Bursa, ia adalah perlu atau suai manfaat demi kepentingan untuk mengekalkan pasaran yang teratur dan adil bagi sekuriti yang didagangkan di Bursa;
 - (c) dalam apa-apa keadaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kehendak-kehendak ini;
 - (d) sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran Kehendak-kehendak ini oleh perbadanan tersenarai;
 - (e) apabila notis diberikan oleh SC kepada Bursa bahawa pada pendapatnya perbadanan tersenarai telah melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti atau garis panduan SC, atau bahawa itu adalah perlu atau suai manfaat demi kepentingan awam dan jika ia adalah untuk melindungi pelabur;
 - (f) sekiranya sekuriti hutang tersenarai atau sekuriti boleh tukar telah matang;
 - (g) apabila berlaku penggantungan dagangan sekuriti itu yang disenaraikan di bursa saham lain;
 - (h) apabila penggulungan secara sukarela perbadanan tersenarai dimulakan mengikut Akta Syarikat; atau

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

- (i) jika Bursa berpendapat adalah patut atas apa-apa sebab lain.
- (2) Tertakluk kepada sub-Kaedah (3) di bawah ini, jika tebaran pemegangan syer awam perbadanan tersenarai adalah 10% atau kurang daripada jumlah syer tersenarainya (tidak termasuk syer perbendaharaan), Bursa hendaklah menggantung dagangan sekuriti perbadanan tersenarai apabila tamat tempoh 30 hari pasaran dari tarikh pengumuman segera oleh perbadanan tersenarai menurut -
 - (a) Kaedah 8.02(3); atau
 - (b) Kaedah 9.19(48) jika perbadanan tersenarai telah mengumumkan bahawa pembuat tawaran berhasrat untuk mengekalkan status penyenaraian perbadanan tersenarai.
 Dalam hal ini, penggantungan hanya akan ditamatkan apabila perbadanan tersenarai mematuhi dengan sepenuhnya kehendak tebaran pemegangan syer awam di bawah Kaedah 8.02 (1) atau sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- (3) Bursa hendaklah menggantung dagangan sekuriti perbadanan tersenarai berhubung dengan tawaran pengambilalihan di bawah Kod Pengambilalihan dan Percantuman, selain yang dilaksanakan melalui skim perkiraan, kompromi, percantuman atau pengurangan modal terpilih, apabila tamat 5 hari pasaran daripada tamat tempoh tawaran sekiranya perbadanan tersenarai telah membuat pengumuman bahawa pembuat tawaran tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaraian perbadanan tersenarai menurut Kaedah 9.19 (48).
- (4) Bursa akan memaklumkan SC tentang apa-apa keputusan untuk menggantung dagangan mana-mana kelas sekuriti tersenarai perbadanan tersenarai menurut sub-Kaedah (1)(b), (d) atau (g) di atas.

[Rujukan silang: Nota Panduan 2 dan 3]

16.03 Penggantungan sukarela

Bursa boleh pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya, menggantung dagangan sekuriti tersenarai atas permintaan perbadanan tersenarai.

[Rujukan silang: Nota Panduan 12]

16.04 Renti Dagangan

Tanpa menjelaskan kuasa Bursa di bawah Kaedah 16.02, Bursa boleh pada bila-bila masa, menghentikan dagangan sekuriti tersenarai apabila -

- (a) perbadanan tersenarai membuat pengumuman material; atau
- (b) Bursa diberitahu bahawa dagangan sekuriti dihentikan atau digantung di bursa sekuriti di mana ia disebut harga.

[Rujukan silang: Nota Panduan 14]

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

BAHAGIAN C – PENARIKAN BALIK PENYENARAIA DAN PEMBATALAN PENYENARAIA OLEH BURSA

16.05 Penarikan balik penyenaraian

- (1) Bursa boleh membenarkan permintaan perbadanan tersenarai untuk penarikan balik dari Senarai Rasmi.
- (2) Bursa akan memaklumkan kepada SC apa-apa keputusan untuk meluluskan permintaan penarikan balik dari Senarai Rasmi.

16.06 Permintaan untuk penarikan balik

- (1) Tertakluk kepada Kaedah 16.07, perbadanan tersenarai tidak boleh meminta untuk menarik balik penyenaraianya dari Senarai Rasmi, melainkan jika -
 - (a) perbadanan tersenarai mengadakan suatu mesyuarat agung untuk mendapatkan kelulusan pemegang syer dan suatu mesyuarat yang berasringan untuk kelulusan pemegang mana-mana kelas sekuriti tersenarai lain, jika berkenaan, dan surat pekeliling yang dihantar kepada pemegang syer dan pemegang mana-mana kelas sekuriti tersenarai lain mesti mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran 16A. Draft surat pekeliling mesti dikemukakan kepada Bursa untuk diteliti bersama-sama senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan Bahagian A Lampiran 16A;
 - (b) kelulusan ketetapan untuk penarikan balik penyenaraian itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) ketetapan diluluskan oleh majoriti pemegang syer dan pemegang mana-mana kelas sekuriti tersenarai lain, jika ada, dalam bilangan, mewakili 75% daripada jumlah bilangan sekuriti diterbitkan yang dipegang oleh pemegang syer dan pemegang sekuriti lain masing-masing, yang hadir dan mengundi sama ada sendiri atau melalui proksi di setiap mesyuarat; dan
 - (ii) bilangan undi yang menentang ketetapan itu, jika ada, mengikut setiap kelas sekuriti tersenarai masing-masing, jika berkenaan, tidak melebihi 10% daripada jumlah bilangan sekuriti diterbitkan yang dipegang oleh pemegang syer dan pemegang sekuriti lain masing-masing, yang hadir dan mengundi sama ada sendiri atau melalui proksi pada setiap mesyuarat.

Jika dokumen konstituen perbadanan tersenarai mengenakan syarat yang lebih ketat berkenaan dengan undi yang dikehendaki untuk meluluskan penarikan balik penyenaraian, syarat yang lebih ketat itu akan terpakai bagi menggantikan peruntukan yang disebut di atas;

- (c) pemegang syer dan pemegang mana-mana kelas sekuriti tersenarai lain, jika berkenaan, ditawarkan alternatif tunai yang munasabah atau alternatif lain yang munasabah ("**tawaran keluar**"); dan
- (d) perbadanan tersenarai melantik penasihat bebas yang termasuk di dalam takrif penasihat kewangan korporat di bawah Garis Panduan Penasihat Utama SC dan yang diluluskan oleh pengarah bebas, untuk menasihati dan membuat pengesyoran untuk pertimbangan pemegang syer dan pemegang mana-mana kelas sekuriti tersenarai lain, jika berkenaan, berkaitan dengan penarikan balik penyenaraian serta kepatutan dan kemunasabahan tawaran keluar.

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

- (2) Penasihat bebas yang dilantik menurut sub-Kaedah (1) (d) di atas mesti -
- (a) mengulas sama ada penarikan balik penyenaraian, serta tawaran keluar adalah patut dan munasabah setakat mana pemegang syer dan pemegang mana-mana kelas sekuriti tersenarai kelas adalah berkaitan. Pendapat tersebut mesti menyatakan sebab-sebab untuk, andaian utama yang dibuat dan faktor yang dipertimbangkan dalam membentuk pendapat itu. Dalam membuat pendapat tersebut, penasihat bebas mesti mematuhi peruntukan berkaitan dengan pengesyoran penasihat bebas dalam Jadual 2, Bahagian III Kaedah Pengambilalihan, Percantuman dan Pengambilan Paksa;
 - (b) menasihati pemegang syer dan pemegang mana-mana kelas sekuriti tersenarai lain mengenai sama ada mereka patut mengundi memihak kepada penarikan balik penyenaraian dan tawaran keluar; dan
 - (c) mengambil semua langkah munasabah untuk memuaskan dirinya bahawa ia mempunyai asas yang munasabah untuk membuat ulasan dan nasihat dalam sub-Kaedah (a) dan (b) di atas.
- (3) Jika pada pendapat Bursa, penasihat bebas tidak bebas, Bursa boleh melarang penasihat bebas itu dari dilantik atau terus bertindak sebagai penasihat bebas.

16.07 Penarikan balik dalam tawaran pengambilalihan atau cadangan korporat

Walau apa pun Kaedah 16.06, perbadanan tersenarai boleh menarik balik penyenaraianya dari Senarai Rasmi dalam keadaan berikut:

- (a) berhubung dengan suatu tawaran pengambilalihan menurut Kod Pengambilalihan dan Percantuman, selain yang dilaksanakan melalui skim perkiraan, kompromi, percantuman atau pengurangan modal terpilih, apabila 90% atau lebih syer tersenarainya (tidak termasuk syer perbendaharaan) dipegang oleh pemegang syer sama ada secara individu atau bersama dengan rakan sekutu pemegang syer tersebut; atau
- (b) berhubung dengan suatu cadangan korporat yang dilaksanakan oleh atau berhubung dengan perbadanan tersenarai itu, apabila 100% syer tersenarai perbadanan tersenarai dipegang oleh pemegang syer sama ada secara individu atau bersama dengan rakan sekutu pemegang syer tersebut,

dan perbadanan tersenarai telah mengumumkan niat membuat tawaran untuk tidak mengekalkan status penyenaraian perbadanan tersenarai.

16.08 Permohonan untuk penarikan balik

Perbadanan tersenarai yang berhasrat untuk menarik balik penyenaraianya dari Senarai Rasmi mesti memfailkan dengan Bursa suatu permohonan yang merangkumi maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran 16A.

16.09 Kehendak tambahan

Bursa boleh mengikut budi bicaranya mengenakan apa-apa syarat tambahan bagi penarikan balik mana-mana perbadanan tersenarai daripada penyenaraian dalam Senarai Rasmi.

16.10 Penarikan balik sekuriti lain

Jika perbadanan tersenarai memohon untuk menarik balik syer biasanya dari Senarai Rasmi, permohonan tersebut akan disifatkan sebagai terpakai bagi penarikan balik kelas sekuriti lain yang diterbitkan oleh perbadanan tersenarai dan tersenarai dalam Senarai Rasmi.

16.11 Pembatalan penyenaraian oleh Bursa

- (1) Bursa boleh pada bila-bila masa membatalkan penyenaraian perbadanan tersenarai atau mana-mana sekuriti tersenarai dari Senarai Rasmi dalam mana-mana keadaan berikut:
 - (a) jika perbadanan tersenarai gagal mematuhi Kehendak-kehendak ini, tertakluk kepada rundingan dengan SC;
 - (b) dalam hal keadaan lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 8.03, 8.03A, 8.04, 8.05, 9.28 dan perenggan 2.0 Nota Panduan 20, yang dalam hal yang demikian, Bursa akan memaklumkan SC mengenai hal keadaan itu;

[Rujukan silang: Nota Panduan 20]

 - (c) apabila penyenaraian perbadanan tersenarai atau penyenaraian sekuriti tersebut di bursa saham yang lain dibatalkan;
 - (d) dalam hal keadaan yang diperuntukkan di bawah Kaedah 4.19 (5), tertakluk kepada rundingan dengan SC; atau
 - (e) jika pada pendapat Bursa, terdapat hal keadaan yang tidak mewajarkan penerusan penyenaraian perbadanan tersenarai atau mana-mana kelas sekuriti tersenarainya, tertakluk kepada rundingan dengan SC jika berkenaan.
- (2) Bursa hendaklah membatalkan penyenaraian perbadanan tersenarai dalam mana-mana satu daripada hal keadaan yang berikut:
 - (a) menurut arahan, kehendak atau syarat yang dikenakan oleh SC, yang selepas itu Bursa akan memaklumkan SC tentang keputusannya untuk membatalkan penyenaraian;
 - (b) apabila suatu kelas sekuriti telah matang atau luput;
 - (c) apabila penggulungan perbadanan tersenarai secara sukarela dimulakan mengikut Akta Syarikat; atau
 - (d) apabila perintah penggulungan dibuat terhadap perbadanan tersenarai.
- (3) Bagi maksud sub-Kaedah 1(a) di atas, kegagalan untuk mematuhi Kehendak-kehendak ini akan mengecualikan kegagalan untuk mematuhi Kaedah 8.03, 8.04, 8.05 dan 9.28. (tidak termasuk kegagalan untuk mematuhi ...)

[Rujukan silang: Nota Panduan 2 dan 3]

BAHAGIAN D – PENGUATKUASAAN

16.12 Pelanggaran oleh subsidiari

Suatu pelanggaran Kehendak-kehendak ini oleh mana-mana subsidiari perbadanan tersenarai akan disifatkan sebagai pelanggaran Kehendak-kehendak ini oleh perbadanan tersenarai.

16.13 Pelanggaran oleh pengarah

Pengarah perbadanan tersenarai tidak boleh -

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

- (a) menyebabkan, membantu atau bersubahat dalam satu pelanggaran Kehendak-kehendak ini oleh perbadanan tersenarai; atau
- (b) membenarkan, sama ada dengan pengetahuannya atau jika dia mempunyai cara yang munasabah untuk memperoleh pengetahuan tersebut, perbadanan tersenarai tersebut untuk melakukan pelanggaran terhadap Kehendak-kehendak ini.

16.14 [Dipotong]

16.15 [Dipotong]

16.16 Kuasa untuk mendapatkan dokumen

Bursa boleh, berbangkit daripada atau berhubung dengan penyiasatannya, penguatkuasaannya atau kedua-duanya -

- (a) dengan notis secara bertulis menghendaki pemohon, perbadanan tersenarai, pengarah, pegawai, pekerja, penasihatnya atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-kehendak ini ditujukan, untuk mengemukakan dokumen, buku, kertas, daftar, rekod atau akaun untuk pemeriksaan (sama ada direkodkan dalam bentuk dokumen atau elektronik) (disebut secara kolektif sebagai "**Maklumat**" dalam Bahagian D ini) yang dipegang oleh orang yang berkenaan atau yang mana orang berkenaan mempunyai kawalan atau akses kepadanya;
- (b) memeriksa dan membuat salinan, atau membuat nota daripada, Maklumat tersebut;
- (c) menyimpan Maklumat tersebut bagi suatu tempoh tertentu yang difikirkan patut oleh Bursa; atau
- (d) menzahirkan atau mengemukakan Maklumat tersebut kepada pihak berkuasa atau pihak yang difikirkan patut oleh Bursa.

16.17 Perbadanan tersenarai mesti memastikan pematuhan

Jika suatu arahan telah dikeluarkan atau suatu obligasi diletakkan pada seseorang pegawai atau pekerja lain pemohon atau perbadanan tersenarai di bawah Kehendak-kehendak ini, pemohon atau perbadanan tersenarai berkenaan mesti memastikan bahawa pegawai atau pekerja berkenaan mematuhi arahan atau obligasi tersebut.

16.17A Pelanggaran Aku janji

Bagi maksud Bab ini, sebarang pelanggaran suatu aku janji yang diberikan kepada Bursa menurut Kehendak-kehendak ini akan dianggap sebagai pelanggaran Kehendak-kehendak ini.

16.18 Pelanggaran Kehendak-kehendak ini

- (1) Sekiranya terdapat pelanggaran Kehendak-kehendak ini oleh mana-mana pemohon, perbadanan tersenarai atau pengarah, pegawai, penasihatnya atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-kehendak ini ditujukan, Bursa boleh mengambil atau mengenakan tindakan atau penalti yang difikirkannya sesuai.
- (2) Bursa akan memaklumkan kepada SC mengenai apa-apa keputusan untuk mengambil atau mengenakan apa-apa tindakan atau penalti yang disebut dalam Kaedah 16.19 di bawah ini, kecuali jika keputusan tersebut dibuat selepas berunding dengan SC.

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

16.19 Jenis tindakan atau penalti

- (1) Tanpa menjelaskan mana-mana kuasa yang diberikan kepada Bursa di bawah undang-undang bertulis berhubung dengan penguatkuasaan Kehendak-kehendak ini, jenis-jenis tindakan atau penalti yang boleh diambil atau dikenakan oleh Bursa bagi pelanggaran Kehendak-kehendak ini termasuk mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut:
- (a) berhubung pemohon dan perbadanan tersenarai
- (i) pengeluaran surat amaran;
- (ii) pengeluaran teguran peribadi;
- (iii) pengeluaran teguran awam;
- (iv) pengenaan denda tidak melebihi RM1 juta;
- (v) pengeluaran surat yang mengarahkan perbadanan tersenarai untuk membetulkan ketidakpatuhan, dan arahan itu akan terus kekal berkuatkuasa sehingga dibatalkan;
- (vi) pengenaan satu atau lebih syarat untuk pematuhan;
- (vii) penolakan permohonan atau penyerahan, dengan atau tanpa syarat yang dikenakan (setelah berunding dengan SC);
- (viii) pengenaan syarat pada penyerahan atau penyelesaian dagangan yang dilakukan berkenaan dengan sekuriti perbadanan tersenarai;
- (ix) penggantungan perdagangan sekuriti tersenarai;
- (x) pembatalan penyenaraian apa-apa sekuriti tersenarai;
- (xi) pembatalan penyenaraian perbadanan tersenarai atau mana-mana kelas sekuriti tersenarainya;
- (xii) mewajibkan pendidikan, latihan atau apa-apa jenis program lain yang ditentukan oleh Bursa yang akan dilakukan atau dilaksanakan oleh perbadanan tersenarai untuk pengarah dan/atau pengurusannya; atau
- (xiii) apa-apa tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh Bursa, tertakluk kepada perundingan dengan SC;
- (b) berhubung dengan pengarah atau pegawai pemohon atau perbadanan tersenarai, Orang Mengawal sebagaimana yang ditentukan dalam Kaedah 2.22 atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-kehendak ini ditujukan -
- (i) pengeluaran surat amaran;
- (ii) pengeluaran teguran peribadi;
- (iii) pengeluaran teguran awam;
- (iv) pengenaan denda tidak melebihi RM1 juta;

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

- (v) pengeluaran surat yang mengarahkan orang yang mungkir untuk membetulkan ketidakpatuhan, dan arahan itu akan kekal berkuat kuasa sehingga dibatalkan;
 - (vi) pengenaan satu atau lebih syarat untuk pematuhan;
 - (vii) pengenaan moratorium atau larangan urusan berniaga dalam sekuriti tersenarai perbadanan tersenarai dan/atau sekuriti tersenarai lain oleh pengarah, pegawai atau orang lain yang berkenaan; atau
 - (viii) apa-apa tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh Bursa, tertakluk kepada perundingan dengan SC;
- (c) berhubung penasihat -
- (i) pengeluaran surat amaran;
 - (ii) pengeluaran teguran peribadi;
 - (iii) pengeluaran teguran awam;
 - (iv) pengenaan denda tidak melebihi RM1 juta;
 - (v) pengeluaran surat yang mengarahkan penasihat untuk membetulkan ketidakpatuhan, dan arahan itu akan terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan;
 - (vi) pengenaan satu atau lebih syarat untuk pematuhan;
 - (vii) penolakan permohonan atau pengemukaan atau dokumen yang dibuat atau disediakan oleh penasihat, dengan atau tanpa syarat yang dikenakan (setelah berunding dengan SC);
 - (viii) dalam kes Penasihat atau Penaja, penggantungan mana-mana atau semua hak yang bersangkutan dengan pendaftaran di Daftar Penaja pada terma dan untuk tempoh tertentu yang difikirkan sesuai oleh Bursa;
 - (ix) penyingkiran Penasihat atau Penaja dari Daftar Penaja; atau
 - (x) apa-apa tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh Bursa, tertakluk kepada perundingan dengan SC.
- (2) Jika pemohon, perbadanan tersenarai atau pengarah, pegawai atau penasihatnya, atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-kehendak ini ditujukan, telah gagal mematuhi arahan atau membayar apa-apa denda yang dikenakan oleh Bursa di bawah sub-Kaedah (1) di atas, Bursa boleh mengenakan tindakan atau penalti tambahan dinyatakan dalam sub-Kaedah (1) terhadap orang tersebut. Tindakan atau penalti tambahan tersebut boleh termasuk, tanpa dihadkan, pengenaan denda tambahan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Bursa (contohnya, denda tambahan atas asas harian sehingga jumlah penuh yang kena dibayar telah dibayar kepada Bursa) atau penggantungan dagangan atau pembatalan penyenaraian sekuriti dalam hal perbadanan tersenarai.

16.20 Tindakan kumulatif atau penalti

Sekiranya pemohon, perbadanan tersenarai atau pengarah, pegawai, penasihatnya atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-kehendak ini ditujukan gagal untuk mematuhi suatu tindakan atau penalti yang diambil atau yang dikenakan oleh Bursa di bawah Kaedah 16.19, Bursa mempunyai kuasa untuk memulakan prosiding penguatkuasaan terhadap pemohon, perbadanan tersenarai atau

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

pengarah, pegawai, penasihatnya atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-kehendak ini ditujukan, dan mengambil atau mengenakan satu atau lebih tindakan atau penalti sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 16.19.

16.21 Hak-hak lain

Pelaksanaan kuasa dalam Kaedah 16.18 dan 16.19 tidak, dengan cara apa pun, menjelaskan hak-hak Bursa yang lain terhadap pemohon, perbadanan tersenarai, seorang pengarah atau pegawai perbadanan tersenarai, seorang penasihat atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kehendak-kehendak ini ditujukan.

16.21A Penerbitan tindakan penguatkuasaan

Bursa mempunyai kuasa untuk menerbitkan kepada awam, apa-apa tindakan yang diambil terhadap mana-mana orang di bawah Kehendak-kehendak ini dengan cara apa pun yang difikirkan sesuai atau wajar oleh Bursa.

16.22 Pengesahan oleh Bursa

Pengesahan yang diberikan oleh Bursa bahawa ia tidak mempunyai komen lanjutan mengenai mana-mana dokumen yang diserahkan kepada Bursa untuk diteliti menurut Kehendak-kehendak ini tidak akan menghalang Bursa dari mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap perbadanan tersenarai, penasihat, atau kedua-duanya sekiranya perbadanan tersebut, penasihat, atau kedua-duanya gagal untuk mematuhi Keperluan ini berkaitan dengan bentuk dan kandungan dokumen tersebut.

16.23 Rujukan tingkah laku kepada pihak berkuasa lain

Bursa boleh, pada bila-bila masa, dan mengikut budi bicara mutlaknya, merujuk tingkah laku mana-mana pemohon, perbadanan tersenarai, atau pengarah, pegawai, penasihatnya atau mana-mana orang lain yang tertakluk kepada Kehendak-kehendak ini, kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan profesional yang berkaitan, tanpa memberi notis kepada orang tersebut.

16.24 Jawatankuasa atau jawatankuasa kecil untuk memutuskan

Bursa akan melantik suatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil atau pegawai Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa untuk melaksanakan kuasanya di bawah Kaedah 16.18 dan 16.19.

16.25 [Dipotong]

16.26 Prosedur

Bursa akan menentukan prosedur yang dipakai untuk apa-apa tindakan penguatkuasaan yang diambil di bawah Bab ini. Prosedur tersebut mungkin berbeza-beza bersesuaian dengan keadaan dari mana-mana kes tertentu.

[Rujukan silang: Nota Panduan 21]

16.27 Hak rayuan

- (1) Seorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dihasilkan dari tindakan penguatkuasaan yang diambil di bawah Bab ini boleh merayu terhadap keputusan tersebut dengan cara yang ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa

[Rujukan silang: Nota Panduan 21]

Bab 16
Penggantungan, Pembatalan penyenaraian dan Penguatkuasaan

- (2) Bursa boleh menggantung penguatkuasaan man-mana keputusan tersebut yang menjadi subjek rayuan sehingga penghapusan rayuan.

16.28 Denda yang belum dibayar adalah hutang kepada Bursa

Denda atau sebahagian daripada denda, atau kos yang diperintahkan oleh Bursa, yang masih belum dibayar oleh seseorang, adalah hutang yang harus dibayar oleh orang tersebut kepada Bursa.

16.29 Penyelesaian yang dipersetujui

- (1) Seorang yang menjadi sasaran prosiding penguatkuasaan oleh Bursa boleh, pada bila-bila masa sebelum Bursa membuat keputusan, mengusulkan penyelesaian prosiding penguatkuasaan dengan menyetujui terhadap set fakta, liabiliti atau penalti dengan Bursa.
- (2) Bursa dapat menolak, menerima atau mengubah cadangan penyelesaian berdasarkan terma yang dianggapnya sesuai.
- (3) Jika Bursa menerima penyelesaian yang diusulkan, penyelesaian akan dicatat sebagai keputusan Bursa.
- (4) Jika Bursa tidak dapat bersetuju dengan penyelesaian yang diusulkan, Bursa boleh menurut Kaedah 16.26, meneruskan prosiding penguatkuasaan penuh.

[Rujukan silang: Nota Panduan 21]

16.30 Standard pembuktian

Bursa tidak akan mendapati suatu tuduhan terbukti melainkan Bursa berpuas hati bahawa tuduhan tersebut terbukti berdasarkan timbangan kemungkinan.

[Bab tamat]

Kandungan pekeliling dan permohonan untuk penarikan balik penyenaraian

LAMPIRAN 16A

Bahagian A

Kandungan pekeliling berhubung penarikan balik penyenaraian

(Kaedah 16.06(a))

- (1) Tajuk yang menarik perhatian betapa pentingnya pekeliling dan menasihati pemegang sekuriti yang ragu-ragu mengenai tindakan apa yang harus diambil untuk berunding dengan penasihat bebas yang sesuai.
- (2) Pernyataan bahawa surat pekeliling tersebut telah disemak oleh Penaja atau Penasihat perbadanan tersenarai, mana tang berkenaan.
- (3) Pernyataan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad tidak bertanggungjawab atas isi pekeliling tersebut, tidak membuat pernyataan mengenai ketepatan atau kelengkapannya dan dengan jelas menolak sebarang tanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang timbul daripada atau bergantung pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan pekeliling tersebut. Berkenaan dengan pekeliling yang belum diteliti oleh Bursa Malaysia Securities Berhad sebelum penerbitannya, pernyataan untuk hal itu.
- (4) Sebab dan fakta mengenai penarikan balik sekuriti perbadanan tersenarai
- (5) Pendapat lembaga pengarah mengenai penarikan balik.
- (6) Pendapat bertulis penasihat bebas berhubung penarikan balik sekuriti perbadanan tersenarai serta kesaksamaan dan kewajaran tawaran keluar melalui lampiran.
- (7) Lampiran yang mengandungi maklumat berikut:
 - (a) pernyataan tanggungjawab oleh para pengarah bahawa pekeliling tersebut telah dilihat dan diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersenarai dan bahawa mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh mengenai ketepatan maklumat yang diberikan dan mengesahkan bahawa setelah membuat semua siasatan yang wajar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan mereka tidak ada ketinggalan fakta lain yang akan membuat mana-mana pernyataan dalam pekeliling itu mengelirukan;
 - (b) jika seseorang dinamakan dalam pekeliling tersebut telah memberi nasihat kepada perbadanan tersenarai atau para pengaruhnya, pernyataan penasihat tersebut telah memberikan dan tidak menarik balik kebenaran bertulisnya untuk memasukkan nama dan/atau surat penasihat (jika berkenaan) dalam bentuk dan konteks di mana ia dimasukkan;
 - (c) pernyataan mengenai semua kontrak material (bukan kontrak yang dibuat dalam urusan perniagaan biasa) yang dibuat oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya dalam tempoh 2 tahun sebelum tarikh pekeliling. Butiran berikut mesti dizahirkan berkenaan dengan setiap kontrak tersebut:
 - (i) tarikh kontrak;
 - (ii) pihak kontrak;
 - (iii) sifat umum; dan
 - (iv) pertimbangan dan mod kepuasan;

Kandungan pekeliling dan permohonan untuk penarikan balik penyenaraian

- (d) pernyataan mengenai semua litigasi, tuntutan atau timbang tara material yang melibatkan perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya, termasuk yang belum selesai atau diancam terhadap perbadanan tersebut. Butiran berikut mesti dizahirkan:
- (i) latar belakang;
 - (ii) tarikh saman;
 - (iii) nama-nama plaintiff dan defendant;
 - (iv) anggaran pendedahan maksimum terhadap liabiliti;
 - (v) pendapat pengarah/peguam mengenai keputusannya; dan
 - (vi) status;
- (e) pernyataan bahawa dari tarikh pekeliling hingga tarikh mesyuarat agung dokumen berikut (atau salinan dokumen) boleh diperiksa di pejabat berdaftar perbadanan tersenarai.
- (i) perlembagaan;
 - (ii) penyata kewangan teraudit dari perbadanan tersenarai / kumpulan selama 2 tahun kewangan yang lepas dan keputusan teraudit yang terkini tidak diaudit sejak penyata kewangan teraudit yang terakhir;
 - (iii) semua laporan, surat atau dokumen lain, penyata kedudukan kewangan, penilaian dan penyataan oleh mana-mana pakar, mana-mana bahagian yang diekstrak atau disebut dalam pekeliling;
 - (iv) surat izin yang disebut dalam subperenggan (b) di atas;
 - (v) kontrak material yang disebut dalam subperenggan (c) di atas; dan
 - (vi) kertas kausa yang berkenaan dengan litigasi material yang disebut dalam subperenggan (d) di atas
- (8) Apa-apa maklumat lain yang wajar dijangkakan oleh para pemegang syer dan pemegang sekuriti tersenarai kelas lain dan penasihatnya dalam pekeliling yang sedemikian nadi maksud membuat keputusan berpengetahuan.

Bahagian B**Kandungan permohonan untuk penarikan balik**
(Kaedah 16.08)

- (1) Sebab-sebab penarikan balik yang penuh dan terperinci.
- (2) Resolusi lembaga untuk penarikan balik.
- (3) Pengesahan bahawa persetujuan pihak berkuasa lain yang berkaitan, jika diperlukan, telah diperoleh.
- (4) Pengesahan bahawa perbadanan tersenarai telah mendapat persetujuan pemegang syer dan pemegang sekuriti tersenarai kelas lain, jika ada, menurut Kaedah 16.06.

Lampiran 16A
Kandungan pekeliling dan permohonan untuk penarikan balik penyenaraian

-
- 5) Sebarang maklumat atau penjelasan lain boleh dikehendaki oleh Bursa.

[Lampiran tamat]